

**Karpal sambut baik pendirian RoS  
Malaysian Insider  
May 12, 2013  
Oleh Mohd Farhan Darwi**

KUALA LUMPUR, 12 Mei — Pengerusi DAP Karpal Singh hari ini menyambut baik kenyataan Pendaftar Pertubuhan (RoS) bahawa parti itu tidak akan dihukum berikutan kontroversi semasa pemilihan parti berkenaan Disember lalu.

“Saya mengalu-alukan kenyataan Pendaftar Pertubuhan Datuk Abdul Rahman Othman, yang mengatakan DAP tidak perlu didenda ekoran krisis pemilihan dan RoS tidak berniat untuk mendaftar semula parti berkenaan,” kata Karpal dalam kenyataannya hari ini.

“DAP juga akan memberikan kerjasama kepada RoS dalam penyiasatan mereka berhubung rungutan yang dibuat kesahihan pemilihan CEC. Tidak syak lagi, perkara ini akan selesai secepat mungkin,” kata Karpal.

Ketua Pengarah RoS Abdul Rahman dipetik laporan akhbar The Star hari ini berkata pihak berkuasa berkenaan tiada niat untuk mendaftar semula seperti yang didakwa sebelum ini.

“Kami mahukan ahli parti dan penyokong berhenti menyebarkan berita yang kami perlu mendaftar semula kerana masih belum ada keputusan lagi,” katanya.

Karpal berkata demikian merujuk kepada surat bertarikh 17 April yang dikeluarkan RoS, yang mana DAP dimaklumkan jawatankuasa tertinggi yang dipilih tidak sah, dan mencetuskan kontroversi beberapa hari sebelum penamaan calon pada 20 April lalu.

Abdul Rahman bagaimanapun dalam suratnya tidak menghalang DAP untuk menyertai pilihan raya, kerana CEC sebelum itu masih mempunyai kuasa melantik calon.

“Jadi ia adalah kerana berlakunya masalah teknikal untuk melantik calon dalam pilihan raya ataupun mereka dilarang menggunakan logo parti,” katanmya dipetik NST.

Pada 20 April, calon DAP yang bertanding menggunakan logo mereka diberi jaminan RoS Setiausaha Agung DAP boleh menandatangani watakah perlantikan.

“Saya mengharapkan pengesahan ini akan menamatkan gesaan banyak pihak mengenai penggunaan logo roket dalam pilihan raya,” kata Karpal.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/karpal-sambut-baik-pendirian-ros/>